



2 Disember 2015
2 December 2015
P.U. (A) 284

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT) (KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) (PINDAAN) 2015

INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE) (INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY EQUIPMENT) (AMENDMENT) RULES 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)
(KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b), dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 kepada, Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) (Pindaan) 2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014.

Pindaan kaedah 7

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014 [*P.U. (A) 217/2014*] dipinda dengan menggantikan kaedah 7 dengan kaedah yang berikut:

“Ketidakpakaian

7. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang yang telah melakukan perbelanjaan modal ke atas kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika dalam tempoh asas tersebut orang itu layak dan telah menuntut berkenaan dengan kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu—

(a) elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];

(b) elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta;